

# Dr Mahathir Rasmi PF AUTO Enterprise

**BEKAS** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah merasmikan dua bilik pameran kereta yang dipunyai oleh En. Adzlan Abdullah yang dibantu oleh isteri beliau Pn. Puteri Faezah Ow Abdullah sebagai CEO dan En. Zulkarnain Yunus sebagai rakan kongsi di Klang pada 20 Januari 2007.

**LIHAT MUKA 23**

Dengan memotong reben Tun Dr Mahathir Mohamad telah merasmikan bilik Pameran Syarikat PF Auto Enterprise.



# Dr Mahathir Rasmi PF AUTO Enterprise



Anak lelaki En. Adzlan, Ridzuan dipeluk mesra oleh Tun Dr Siti Hasmah, apabila beliau naik ke pentas untuk bersalaman dengan kedua-dua tetamu kehormat itu.




Isteri En. Adzlan, Puteri Faezah Ow binti Abdullah menjawab pertanyaan dari Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.



GAMBAR ATAS.... Tun Dr Mahathir dan isteri diberi sambutan meriah melalui tradisi orang-orang Melayu dan pukulan kompang.

Penduduk India di Klang yang juga sahabat baik En. Adzlan kelihatan mengalungkan bunga kepada Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.



Tun disambut oleh salah seorang hadirin yang menunggu Tun.



serta penjualan kereta nasional adalah di tahap yang baik, yang sebenarnya apa yang dimaksudkan oleh Tun ialah peningkatan yang lembap dan masih lagi di tahap yang lama. Keadaan semasa perlu digerakkan dengan agresif demi untuk mengekal serta meningkatkan prestasi penjualan dan ekonomi ke tahap yang paling cemerlang dan membanggakan.

Antara jenama kereta yang dijual oleh PF Auto Enterprise ini ialah Suzuki, Proton, Toyota, Mazda, Mitsubishi dan Ford.

## DARI MUKA 24

Dalam ucapan En. Adzlan, beliau telah menjelaskan bahawa pada suatu ketika dahulu iaitu pada masa Tun Dr Mahathir Mohamad masih menjadi Perdana Menteri, beliau telah memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada En. Adzlan supaya berjaya, sekaligus menjadikan Tun Dr Mahathir sebagai 'mentor' di dalam dirinya. En. Adzlan terima kata-kata dorongan itu sebagai cabaran maka dari situ Adzlan telah berusaha untuk bekerja kuat dan gigih bermula dari pencuci pejabat sahaja dan kini berjaya dalam bidang kereta. Beliau juga memaklumkan bahawa En. Zulkrainian adalah merupakan bekas pegawai kerajaan dan telah meletakkan jawatan semata-mata untuk menceburi diri di dalam bidang perniagaan.


Tidak lama lagi beliau akan merancang untuk mem-

buka rangkaian kedai-beliau dengan membuka cawangan yang serupa dan besar kemungkinan menggunakan sistem francais ke seluruh negara.

Tun Dr Mahathir begitu gembira diatas kejayaan En. Adzlan serta mendoakan agar perniagaan beliau bertambah maju dan berkembang. Di majlis itu juga Tun Dr Mahathir menjelaskan dengan sinis bahawa ekonomi negara bertambah baik dan juga pengeluaran



Tun Dr Mahathir memberi ucapan kepada para jempunan.



En. Adzlan sebagai Pengarah Urusan Syarikat berucap mengalu-alukan kehadiran Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.